NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 66** **29hb Disember 2022** **No. 51**

**No. 1346**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM

(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI KAEDAH PENGIRAAN KAFARAH
DI NEGERI PULAU PINANG

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 telah membincangkan Fatwa Mengenai Kaedah Pengiraan Kafarah Di Negeri Pulau Pinang. Fatwanya adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat bersetuju dengan kaedah pengiraan kadar kafarah (bagi semua jenis kesalahan) di Negeri Pulau Pinang berdasarkan kadar berikut:

    i. Kadar kafarah memberi makan sehingga kenyang kepada fakir miskin ialah RM10.00 seorang; dan

    ii. Kadar kafarah memberi pakaian kepada fakir miskin ialah RM30.00 seorang.

2. Ketetapan kadar ini adalah munasabah dan tidak bertentangan dengan kaedah syarak berdasarkan sosioekonomi semasa.

Bertarikh 12 Disember 2022
[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT. 4( ); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti*
*Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

*FATWA* UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI KAEDAH PENGIRAAN KAFARAH
DI NEGERI PULAU PINANG*

*Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 telah membincangkan Fatwa Mengenai Kaedah Pengiraan Kafarah Di Negeri Pulau Pinang. Fatwanya adalah seperti berikut:*

1. *Mesyuarat bersetuju dengan kaedah pengiraan kadar kafarah (bagi semua jenis kesalahan) di Negeri Pulau Pinang berdasarkan kadar berikut:*

    i. *Kadar kafarah memberi makan sehingga kenyang kepada fakir miskin ialah RM10.00 seorang; dan*

    ii. *Kadar kafarah memberi pakaian kepada fakir miskin ialah RM30.00 seorang.*

2. *Ketetapan kadar ini adalah munasabah dan tidak bertentangan dengan kaedah syarak berdasarkan sosioekonomi semasa.*

*Dated 12 December 2022*
[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT. 4( ); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti*
*State Government of Penang*

اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام
(نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام (نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004 [اينكمن *2*]، اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ، جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى سباݢايمان يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠناءي قاعده ڤڠيراءن كفارة دنݢري ڤولاو ڤينڠ

مشوارت خاص جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ تاهون 2022 تله ممبينچڠكن فتوى مڠناءي قاعده ڤڠيراءن كفارة دنݢري ڤولاو ڤينڠ. فتواڽ اداله سڤرتي برايكوت:

1) مشوارت برستوجو دڠن قاعده ڤڠيراءن كفارة (باݢي سموا جنيس كسالهن) دنݢري ڤولاو ڤينڠ برداسركن قدر برايكوت:

i. قدر كفارة ممبري ماكن سهيڠݢ كپڠ كڤد فقير ميسكين اياله RM10.00 سأورڠ؛ دان

ii. قدر كفارة ممبري ڤاكاين كڤد فقير ميسكين اياله RM30.00 سأورڠ.

2) كتتڤن قدر اين اداله مناسبه دان تيدق برتنتڠن دڠن قاعده شرع برداسركن سوسيوايكونومي سماس.

برتاريخ 12 ديسيمبر 2022
[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT. 4( ); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور
مفتي
كراجاءن نݢري ڤولاو ڤينڠ